



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

Kempen BSN MyCashless School Attack (“Kempen”) adalah kempen yang dianjurkan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) bermula dari **15 Mac 2025** hingga **31 Disember 2025** (“**Tempoh Kempen**”) yang menawarkan BSN *Wearable* secara percuma kepada Peserta dan juga penjualan BSN *Wearable* pada harga promosi (sepertimana ditafsirkan selepas ini).

BSN MyCashless School Attack Campaign (“Campaign”) is a campaign organized by Bank Simpanan Nasional (BSN) commencing from **15th March 2025** until **31st December 2025** that offers BSN *Wearable* to the Participants and the sale of BSN *Wearable* at a promotional price (as hereinafter defined).

TEMPOH KEMPEN / CAMPAIGN PERIOD

1. ‘BSN *Wearable*’ yang berharga RM25.00 seunit dijual pada harga promosi iaitu RM10.00 seunit (“**Promosi**”) sepanjang Tempoh Kempen (sehingga stok habis dijual) melainkan dinyatakan sebaliknya oleh BSN dari semasa ke semasa.
‘BSN Wearable’ with the net price of RM25.00 per unit at promotion price of RM10.00 per unit (“Promotion”) throughout the Campaign Period (until the stock runs out) unless stated otherwise from time to time by BSN.
2. Sebagai tambahan kepada Promosi, Murid Sekolah Tanpa Tunai BSN (sepertimana ditafsirkan di Klausa 4 di bawah) juga layak menerima ‘BSN *Wearable*’ secara percuma apabila memenuhi kriteria yang ditetapkan di Klausa 5 di bawah.
In addition to the Promotion, BSN Cashless School Program Students (defined in Clause 4 below) may also receive a complimentary ‘BSN Wearable’ by meeting the criteria specified in Clause 5 below.
3. BSN merizabkan hak untuk meminda Tempoh Kempen pada bila-bila masa, dengan memberi notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan berkuat kuasa tertakluk kepada peruntukan di dalam Klausa 26 di bawah.
BSN reserves the right to amend, vary or extend the Campaign Period at any time, by giving a prior notice within the period BSN deems reasonable before the changes take effect subject Clause 26 below herein.

KELAYAKAN/ ELIGIBILITY

4. Kempen ini adalah eksklusif bagi para murid yang bersekolah di sekolah yang tersenarai dalam Sekolah Tanpa Tunai BSN sahaja di setiap negeri di Malaysia dan tidak terpakai bagi para murid dari sekolah-sekolah selainnya (“**Murid Sekolah Tanpa Tunai BSN**”). Sila rujuk senarai Sekolah Tanpa Tunai BSN yang boleh didapati di www.bsn.com.my (“**Laman Web BSN**”).
This Campaign is exclusive for the students who attended schools listed in BSN Cashless School Program in every state in Malaysia only and is not applicable to the students in other schools that are not listed in BSN Cashless School Program (“BSN Cashless School Program Students”). Please refer to the list of BSN Cashless School Program which is accesible at www.bsn.com.my (“BSN’s Website”).



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

5. Garis panduan kelayakan Kempen ini adalah seperti berikut:

The eligibility guideline of this Campaign is as follows:

a) Pelanggan Baharu (layak menerima 'BSN Wearable' secara percuma):

New Customers (eligible to receive the 'BSN Wearable' free of charge):

- i) Murid Sekolah Tanpa Tunai BSN yang berjaya membuka akaun simpanan BSN baharu (sama ada akaun BSN Smart Junior atau BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar sahaja) semasa Tempoh Kempen; dan
BSN Cashless School Program Students who successfully open a new BSN savings account (either BSN Smart Junior, BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar or BSN EduSave-i only) during the Campaign Period; and
- ii) Membuat deposit permulaan minimum sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) ke dalam akaun tersebut semasa Tempoh Kempen.
Make a minimum initial deposit of at least Ringgit Malaysia Five Hundred (RM500) to the account stated above during the Campaign Period.

b) Pelanggan Sedia Ada (layak menerima 'BSN Wearable' secara percuma):

Existing Customers (eligible to receive the 'BSN Wearable' free of charge):

- i) Murid Sekolah Tanpa Tunai BSN yang mempunyai akaun BSN sedia ada (sama ada akaun BSN Smart Junior atau BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar sahaja) yang membuat deposit baharu ke dalam akaun sedia ada mereka semasa Tempoh Kempen; dan
BSN Cashless School Program Students who have an existing BSN account (either BSN Smart Junior, BSN Skim Galakan Simpanan Pelajar or BSN EduSave-i only) and make a new deposit into their existing account; and
- ii) Membuat deposit baharu minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) ke dalam akaun sedia ada yang dinyatakan di atas. "Deposit baharu" merujuk kepada dana yang tidak dipegang dalam akaun sedia ada pelanggan dengan Bank. Pemindahan antara akaun pelanggan sendiri dengan Bank tidak akan dianggap sebagai "deposit baharu" untuk tujuan Kempen ini.
Make a minimum new deposit of at least Ringgit Malaysia Three Hundred (RM300) into an existing account stated above. The "New deposit" refers to funds not already held within the customer's existing account(s) with the Bank. Transfers between the customer's own accounts with the Bank will not be considered a "new deposit" for the purposes of this Campaign.

- c) **Pelanggan Lain:** Murid Sekolah Tanpa Tunai BSN yang merupakan pelanggan BSN tetapi tidak termasuk ke dalam kategori Pelanggan Baharu atau Pelanggan Sedia Ada yang dinyatakan di atas boleh membeli 'BSN Wearable' pada harga Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) seperti yang dinyatakan di Klausa 1 di atas.



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

Other Customers: BSN Cashless School Program Students who are BSN Customers but does not come under the New Customers or Existing Customers categories specified above may purchase the 'BSN Wearable' for Ringgit Malaysia Ten (RM10) as outlined in Clause 1 above.

- d) Pelanggan Baharu, Pelanggan Sedia Ada dan Pelanggan Lain yang dinyatakan di dalam Klausula ini akan dirujuk secara kolektif sebagai **“Pelanggan yang Layak”**.

*New Customers, Existing Customers and Other Customers specified in this Clause shall collectively be referred to as **“Eligible Customers”**.*

6. Walau apa pun peruntukan di atas, BSN mempunyai budi bicara untuk menentukan dan/atau mengubah kriteria kelayakan yang dinyatakan di dalam Klausula 5 di atas dari semasa ke semasa.

Notwithstanding the above, BSN shall have the discretion to decide and/or amend the eligibility criteria specified in Clause 5 above from time to time.

MEKANISME KEMPEN/ CAMPAIGN MECHANISM

7. Pelanggan Yang Layak boleh melakukan urusan pembelian 'BSN Wearable' di Kaunter Promosi Deposit Negeri atau mana-mana kaunter yang berkenaan, tertakluk kepada kelulusan pihak BSN, untuk pembelian 'BSN Wearable' tersebut dari masa ke masa.

The Eligible Customers may purchase the BSN Wearable at State's Deposit Promotional Counter or any counter, subject to the BSN's approval, to purchase BSN Wearable from time to time.

8. Pembayaran bagi pembelian 'BSN Wearable' di bawah Kempen ini akan dibuat secara automatik dengan mendebit akaun Pelanggan Yang Layak .

The payment for the purchase of 'BSN Wearable' under this Campaign will be done by automatically debiting the Eligible Customers' account.

HAK BANK/ BANK'S RIGHT

9. BSN mempunyai hak untuk mengubah suai, menggantung atau membatalkan Kempen ini pada bila-bila masa dan atas apa jua sebab termasuklah tetapi tidak terhad kepada sekiranya ia tidak dapat berjalan seperti yang dirancang atas sebarang sebab termasuk gangguan atau kerosakan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada jangkitan oleh virus komputer, pepijat, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, atau apa-apa sebab di luar kawalan BSN, walaupun selepas segala usaha terbaik BSN dilakukan. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right to modify, suspend or cancel this Campaign at any time and for any reason whatsoever including but not limited to in the events that it becomes incapable of running as planned, technically interfered or corrupted, including but not limited to infection by computer virus, bugs, tampering, unauthorised intervention, fraud, technical failures, or any other causes beyond the control of BSN. BSN shall not be held responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers directly or indirectly, caused by the changes.



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

10. BSN berhak, mengikut budi bicara mutlak nya, untuk membatalkan penyertaan mana-mana Pelanggan yang Layak yang didapati atau disyaki menyalahgunakan proses dan operasi Kempen ini dan/atau melanggar Terma dan Syarat ini. BSN mempunyai hak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang BSN percayai telah melaksanakan aktiviti penipuan atau lain-lain aktiviti negatif berkaitan dengan Kempen ini. *BSN reserves the right, at its sole discretion, to disqualify any Eligible Customers that are found or suspected of tampering with the Campaign's process and operation or to be in violation of these Terms and Conditions. BSN reserves the right to pursue legal action against any individual it believes has undertaken fraudulent activities or other activities harmful to this Campaign.*

LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB/ LIABILITY AND RESPONSIBILITY

11. Pelanggan yang Layak adalah bertanggungjawab dan menanggung sepenuhnya sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang timbul akibat daripada penyertaan Kempen ini. *Eligible Customers shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in this Campaign.*
12. Sebarang kos, fi dan/atau perbelanjaan yang ditanggung atau akan ditanggung oleh Pelanggan yang Layak untuk menyertai Kempen ini adalah di bawah tanggungjawab penuh Pelanggan yang Layak. *Any cost, fee and/or expenses incurred or to be incurred by the Eligible Customer to participate in this Campaign are at the sole responsibility of the Eligible Customer.*
13. BSN juga tidak akan bertanggungjawab terhadap gangguan teknikal yang menghalang mana-mana individu daripada menyertai Kempen ini. *BSN is not responsible for the technical problems that prevent any individual from participating in this Campaign.*
14. BSN tidak menjamin dan tidak menjanjikan sebarang keputusan tertentu daripada penyertaan Kempen ini. *BSN cannot guarantee and does not promise any specific results from participating in this Campaign*

DATA PERIBADI / PERSONAL DATA

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada BSN dan/atau sekutu berkenaan dengannya dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada, dan membenarkan butir-butir peribadi mereka termasuk tetapi tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN dan/atau pihak ketiga yang dilantik oleh BSN, sekiranya ada untuk menggunakan dan menzahirkan Data Peribadi dan butiran penyertaan seperti yang diberikan kepada BSN untuk tujuan Kempen, tertakluk kepada Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web BSN; atau untuk mematuhi undang-undang, peraturan, polisi dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia dan badan penyelia; atau untuk mematuhi



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

perintah atau arahan Mahkamah; atau untuk mengesahkan status akaun Pelanggan Yang Layak dengan mana-mana pihak ketiga; atau apabila diminta secara bertulis oleh Pelanggan Yang Layak; atau untuk melindungi dan mempertahankan BSN dan aset BSN. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat di sini dengan Polisi Privasi, Polisi Privasi akan diguna pakai.

By participating in this Campaign, the Eligible Customers hereby voluntarily give express consent to BSN and/or its affiliates and/or third party service providers engaged by BSN, if any, and consent to their personal details including without limitation to personal data or information being collected, processed and used by BSN and/or third party service providers engaged by BSN, if any, to use the Personal Data and participation details as provided to BSN for the purposes of this Campaign, subject to the Privacy Policy which may be viewed on BSN's website; or to comply with laws, rules, regulations, policies and guidelines imposed by the Government of Malaysia or regulatory authority; or to comply with a Court order or direction; or to verify the Eligible Customer's account status with any third party; or where the Eligible Customer requests in writing; or to protect and defence BSN or BSN's asset. In the event of any inconsistency between this Terms and Conditions with BSN's Privacy Policy, BSN's Privacy Policy shall apply.

16. Pelanggan Yang Layak memberi kuasa kepada BSN untuk mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, korporat atau mana-mana entiti lain yang BSN anggap bersesuaian berkaitan dengan akaun Pelanggan Yang Layak atau perkhidmatan perbankan dan membenarkan pendedahan tersebut oleh pihak tersebut.

The Eligible Customers hereby authorises BSN to procure any information from any party, organisation, authority, company, corporate or any other entity as BSN deem fit in connection with the Eligible Customer's account or banking services and authorises such disclosure by such person.

17. Pelanggan yang Layak mempunyai hak pada bila-bila masa untuk:

Eligible Customers have the right at any time to:

- a) Menarik balik kebenaran yang diberikan untuk menggunakan Data Peribadi;
Withdraw their consent for the use of Personal Data;
- b) Meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan
Request for any correction/update of Personal Data; and
- c) Bertanyakan sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi
Raise any questions regarding the use of Personal data.

dengan menghubungi BSN sepertimana dinyatakan dalam Polisi Privasi BSN.
by contacting BSN as stated in the BSN's Privacy Policy.



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

18. Pelanggan Yang Layak bersetuju penarikan balik kebenaran untuk menggunakan Data Peribadi mungkin menjejaskan perkhidmatan yang disediakan oleh BSN atau penyertaan Kempen ini dan oleh itu BSN mempunyai hak untuk menghentikan perkhidmatan BSN atau penyertaan Kempen ini oleh Pelanggan Yang Layak yang dikaitkan dengan Data Peribadi tersebut dengan memberikan notis kepada Pelanggan Yang Layak.
- The Eligible Customers agree that the withdrawal of permission to use Personal Data may affect the services provided by BSN or participation in this Campaign and therefore BSN has the right to discontinue BSN services or the Eligible Customers' participation in this Campaign associated with such Personal Data by giving notice to the Eligible Customers.*

TERMA & SYARAT AM / GENERAL TERMS & CONDITIONS

19. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah bersetuju:
- By participating in this Campaign, all Eligible Customers are deemed to have agreed: -*
- a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini, terma dan syarat bagi Akaun Konvensional atau terma dan syarat Akaun Islamik (mana-mana yang berkenaan), dan lain-lain terma dan syarat yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa termasuk apa-apa pindaan ke atasnya; dan

To be bound by the Terms and Conditions herein, terms and conditions on Conventional Account or terms and conditions of Islamic Account (whichever are applicable), and any other terms and conditions stipulated by BSN from time to time including any amendment thereto; and
 - b) Untuk mengakses Laman Web BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.

To access to BSN's Website on regular basis to ensure that the Eligible Customers are updated with any change or variation made to the Terms and Conditions.
20. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan yang Layak untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang dan pengumuman pemenang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan yang Layak tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut.
- By participating in this Campaign, the Eligible Customers consent to BSN the right to publish or display the name, picture or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising and promotional purposes and winner announcement in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customers are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.*



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

21. Semua keputusan yang dikeluarkan BSN berkaitan Kempen ini adalah muktamad, terikat ke atas semua Pelanggan yang Layak, konklusif dan tidak boleh dipertikaikan. Sebarang surat menyurat, rayuan dan/atau percubaan untuk mempertikaikannya tidak akan dilayan. *All BSN's decisions relating to this Campaign is final, binding on all Eligible Customers, conclusive and undisputable. No further correspondence and/or appeal to dispute the same will be entertained.*
22. Dalam apa keadaan sekalipun, BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, kecuaiian atau sebaliknya, berkaitan dengan Kempen. *In any event, BSN shall not be held responsible and/or liable for any loss or damages (including without limitation to loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive or special damages of any party including third parties) howsoever arising whether in contract, negligence or otherwise, in connection with the Campaign.*
23. BSN tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung dan juga tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai Kempen ini atau sebaliknya. BSN tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kemungkaran obligasi di bawah Kempen ini disebabkan oleh kejadian *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik dan/atau epidemik peperangan, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah BSN. *BSN shall not be held responsible and/or liable nor shall it accept any form of liability in whatsoever nature and howsoever arising or suffered by Eligible Customers resulting, directly or indirectly, from participation in this Campaign or otherwise. Furthermore, BSN shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure event which includes but not limited to act of God, pandemic and/or epidemic, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, or any event beyond the reasonable control of BSN.*
24. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak memberi kebenaran kepada BSN untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau lain-lain maklumat Pelanggan yang Layak untuk tujuan pengiklanan, promosi dan pengumuman pemenang semasa dan akan datang dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia Perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN. Pelanggan Yang Layak tidak berhak untuk menuntut pemilikan atau lain-lain bentuk gantirugi ke atas butiran yang diterbitkan atau dipamerkan tersebut. *By participating in this Campaign, the Eligible Customers consent to BSN the right to publish or display the name, picture, or any other information of the Eligible Customers for current and future advertising, promotional purposes and winner announcements in any manner that BSN and/or its authorized service providers deems appropriate. The Eligible Customers are not entitled to claim for the ownership or any other type of compensation on such details that are published or advertised.*



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

25. BSN berhak mengikut budi bicara mutlakanya untuk meminda, mengubah, membatalkan, menarik balik, menggantung atau menambah mana-mana Terma dan Syarat ini, keseluruhan atau sebahagian, termasuk tidak terhad kepada Tempoh Kempen, tarikh permulaan dan tarikh tamat Tempoh Kempen, pada bila-bila masa dengan memberikan notis dalam tempoh yang difikirkan munasabah oleh BSN sebelum pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan tersebut melalui makluman di Laman Web BSN dan/atau halaman media sosial rasmi BSN, melalui pos, media massa, paparan notis di cawangan BSN, melalui alat elektronik dan/atau apa-apa kaedah komunikasi yang BSN fikirkan sesuai. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan yang Layak. Pelanggan yang Layak hendaklah mengakses Laman Web BSN dan/atau mana-mana halaman media sosial rasmi BSN dari semasa ke semasa untuk memastikan Pelanggan yang Layak sentiasa mengikut apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat. BSN tidak akan bertanggungjawab atau menerima sebarang liabiliti yang ditanggung oleh Pelanggan Yang Layak secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh perubahan ini.

BSN reserves the right at its absolute discretion to amend, vary, delete, cancel, suspend or add to any of these Terms and Conditions, in whole or in part, including but not limited to the Campaign Period, commencement and end date of the Campaign, at any time by giving notification within the period BSN deems reasonable prior to such amendment, variation, deletion or addition by posting at BSN's Website and/or BSN official social media page, by post, by notification in the mass media, by posting the notice in BSN's branches or by electronic transmission and/or any other method of communication that BSN deems appropriate. Any amendment, variation, deletion or addition to the Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers. The Eligible Customers must access to BSN Website and/or any of BSN's official social media pages on a regular basis to ensure that the Eligible Customers are up to date with any change or variation made to the Terms and Conditions. BSN shall not be held responsible for or accept any liability incurred by the Eligible Customers, directly or indirectly, caused by the changes.

26. Sebarang pindaan, perubahan, pembatalan atau penambahan kepada Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan Yang Layak dan dianggap sebagai telah dibawa ke perhatian dan pengetahuan semua Pelanggan Yang Layak melalui paparan di portal BSN atau mana-mana medium lain yang difikirkan sesuai oleh BSN.

Any amendment, variation, deletion or addition to these Terms and Conditions herein shall be binding on the Eligible Customers and be deemed to be brought to the Eligible Customers' attention and knowledge by its display on BSN's portal or by any other mode which BSN deems fit.

27. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka Terma dan Syarat ini akan terpakai. Sebarang perkara mengenai Kempen yang tidak dinyatakan di dalam Terma dan Syarat adalah tertakluk kepada budi bicara mutlak pihak BSN.

In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any advertising, promotional, publicity and other materials relating to or in connection with this Campaign, then these Terms and Conditions shall prevail. Any matter regarding the Campaign which is not covered in these Terms and Conditions shall be subject to BSN's sole discretion.



TERMA DAN SYARAT PROGRAM BSN MYCASHLESS SCHOOL AT-TACK / TERMS AND CONDITIONS BSN MYCASHLESS SCHOOL ATTACK PROGRAM

28. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsir selaras dengan undang- undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
These Terms and Conditions shall be subject to and construed in accordance with the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
29. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut berhubung Kempen ini, sila kunjungi cawangan BSN yang terdekat.
For more information and query relating to the Campaign, please visit the nearest BSN branch.

**- TERMA DAN SYARAT KEMPEN TAMAT -
- END OF CAMPAIGN TERMS AND CONDITIONS-**